

Kerangka MADANI sumber daya pendidikan negara

● Konsep Malaysia MADANI menekankan nilai menggalakkan percambahan keilmuan, kesejahteraan, kemampuan, keterangkuman, pemberdayaan dan integrasi

● Malaysia perlu melaksanakan reformasi pendidikan sebenar berdasarkan prinsip anjuran MADANI, bukan sekadar perubahan kosmetik atau kempen



Pensyarah Jabatan Sains Politik dan Pengajian Madani, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Oleh Prof Dr Zainal Abidin Sanusi
bhrencana@bh.com.my

Sistem pendidikan Malaysia sedang bergelut dengan pelbagai cabaran yang menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa, pendidik dan masyarakat. Isu ini bukan sekadar soal kualiti akademik, tetapi juga ketidaktentuan hala tuju pendidikan yang sering berubah mengikut arus politik semasa.

Sehingga ada yang mengumpamakan sekolah sebagai 'penjara' atau 'makmal uji kaji' dasar sering bertukar tanpa arah jelas setiap kali berlaku perubahan kepemimpinan di kementerian berkaitan. Harapan kini diletakkan pada kerangka MADANI untuk membawa perubahan.

Kerapuhan dasar pendidikan Malaysia amat ketara apabila setiap kali berlaku perubahan kepemimpinan, pasti ada pembaharuan diperkenalkan. Pendidikan seolah-olah menjadi eksperimen terbuka bagi mencari dasar yang sesuai.

Contohnya, perubahan silibus, pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) serta Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan pelaksanaan kurikulum baharu sering kali mengelirukan guru, pelajar serta ibu bapa.

Masalah utama ialah dasar ini sering diubah sebelum keberkesannya dapat dinilai sepenuhnya. Sebagai contoh, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan pada awal 2010-an yang bertujuan mengurangkan tekanan peperiksaan, tetapi akhirnya dimansuhkan kerana masalah pelaksanaan.

Begitu juga dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang menggantikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMD).

Semua dasar ini memerlukan masa sekurang-kurangnya lima hingga enam tahun untuk menunjukkan kesannya terhadap kohort pelajar yang masuk dan keluar dengan sistem sama. Namun, dasar ini sering dihentikan sebelum mencapai matlamatnya.

Setiap kali berlaku perubahan kepemimpinan, penekanan pendidikan berubah mengikut keutamaan dan kepentingan masing-masing. Ada pemimpin lebih menekankan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), ada pula mengangkat Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET), digitalisasi atau pendidikan Islam.

Walaupun semua aspek ini penting, masalah utama ialah kurangnya kesinambungan antara dasar lama dengan dasar baharu.

Akibatnya, program terhenti di tengah jalan, guru keliru dengan hala tuju pembelajaran dan pelajar

menjadi mangsa kepada sistem tidak stabil.

Lebih membimbangkan, agenda pendidikan menjadi medan politik untuk menunjukkan kelemahan kerajaan terdahulu dan mewajarkan dasar baharu.

Perubahan sebegini boleh bersifat kosmetik atau populis tanpa kajian mendalam. Pegawai pendidikan berpengalaman jarang diberi ruang memastikan kesinambungan pelan jangka panjang kerana mereka perlu mengikut kehendak pemimpin semasa.

Jika sekolah menjadi 'makmal dasar', universiti pula dilihat sebagai 'medan persaingan' bagi ahli akademik untuk memenangi sokongan politik partisan.

Campur tangan politik di universiti semakin ketara sehingga menggugat identiti institusi ini sebagai pusat ilmu yang neutral dan berasaskan fakta.

Pendidikan berteraskan keilmuan dan keterangkuman harus menjadi teras utama, bukan lagi mangsa eksperimen politik

Universiti seharusnya menjadi tempat penyelesaian masalah masyarakat, namun kini terjebak dalam isu integriti dan politik partisan. Untungnya di peringkat pengajian tinggi, isu perubahan dasar tidak begitu ketara seperti di sekolah. Namun, cabaran utamanya adalah memastikan kesinambungan hala tuju universiti melalui inisiatif baharu yang tepat.

Laksana pelan pendidikan 2013-2025

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menggariskan tindakan untuk menangani isu penarafan universiti, autonomi institusi, pemilihan kepimpinan universiti dan agenda pembangunan lestari. Apa yang diperlukan ialah keberanian untuk melaksanakan pelan ini tanpa pengaruh politik partisan.

Sebagai contoh, beberapa universiti melaksanakan transformasi dalam pentadbiran dan penyelidikan berdasarkan pelan ini. Namun, apabila berlaku perubahan kepemimpinan, transformasi ini diketepikan demi memberi ruang kepada idea baharu. Perubahan sebegini bukan sahaja membazirkan sumber, tetapi melemahkan ekosistem akademik.

Konsep Malaysia MADANI menekankan nilai menggalakkan percambahan keilmuan, kesejahteraan, kemampuan, keterangkuman, pemberdayaan dan integrasi. Dalam konteks pendidikan, nilai ini seharusnya menjadi panduan untuk memastikan da-

sar pendidikan yang dirangka mempunyai kesinambungan dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Pertama, sistem pendidikan harus bersandar pada dapatan akademik dan bukannya retorik politik semata-mata. Kedua, sekolah dan universiti perlu menjadi tempat membina nilai murni selain memperolehi ilmu.

Ketiga, dalam memastikan kelangsungan yang stabil, sistem pendidikan harus berasaskan pelan jangka panjang tanpa perubahan drastik.

Keempat, setiap reformasi atau transformasi pendidikan harus membabitkan semua pemegang taruh bagi memastikan keterangkuman dalam pelaksanaannya.

Kelima, pendidikan perlu membangunkan kapasiti pelajar dan guru supaya mereka mampu bersaing di peringkat global.

Akhir sekali, pendidikan perlu menjalin kesinambungan antara dasar lama dengan dasar baharu untuk memastikan integrasi berkesan.

Maka, MADANI dalam konteks pendidikan adalah bagaimana enam nilai ini membentuk pendekatan dan membawa perubahan dalam urus tadbir serta perjalanan sekolah dan universiti.

Ini bukan mengenai bagaimana memberi kefahaman kepada murid bahawa MADANI mempunyai enam teras. Ia juga bukan mewujudkan Galeri MADANI.

Di universiti pula ia bukan sekadar meletakkan perkataan MADANI dalam program universiti atau persidangan anjuran universiti.

Ini pendekatan lama kerana akhirnya pelajar hanya tahu MADANI tetapi tidak tahu bagaimana melakukan MADANI. Kekuatan MADANI tidak cukup sekadar mengetahui mengenaiinya, tetapi bertindak menjadi pengamal MADANI dan hidup bersama dengan semangatnya seperti saranan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dalam menanganikan keperluan pendidikan masa kini.

Ini perbezaan yang perlu dilakukan sekiranya MADANI ingin dihayati dan tidak berakhir seperti slogan sebelum ini. Malaysia perlu melaksanakan reformasi pendidikan sebenar berdasarkan prinsip anjuran MADANI, bukan sekadar perubahan kosmetik atau kempen. Pendidikan berteraskan keilmuan dan keterangkuman harus menjadi teras utama, bukan lagi mangsa eksperimen politik. Ia menuntut tindakan berasaskan prinsip keilmuan serta keberanian untuk melaksanakan reformasi tanpa tunduk kepada tekanan politik.

Pendidikan harus dilihat sebagai alat pembangunan holistik negara. Jika MADANI gagal menangani krisis ini, ia bukan sahaja mencerminkan kelemahan sistem pendidikan, tetapi kegagalan cita-cita negara untuk membangun secara menyeluruh.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH